

TERIMA KASIH TUAN PENGERUSI MAJLIS

YANG BERBAHAGIA DATUK HIMMAT SINGH  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DR AHMAD TAJUDDIN ALI  
PENGERUSI CIDB MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATO' SRI IR. DR. JUDIN BIN ABD  
KARIM

KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA MERANGKAP  
PENGERUSI CIDB HOLDINGS DAN AKADEMI BINAAN  
MALAYSIA

YANG BERUSAHA SR. ABDUL LATIFF HITAM  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
CIDB HOLDINGS SDN BHD

YANG BERBAHAGIA DATO' HANISAH BINTI OMAR  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, YAYASAN PELAJARAN  
MARA (YPM)

YANG BERBAHAGIA DATO AZMAN YUSOFF  
PRESIDEN, PERSATUAN KONTRAKTOR JENTERA MELAYU  
MALAYSIA (PKJMM)

YANG BERBAHAGIA DATUK KOO HOCK FEE  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MERANGKAP PENGARAH  
URUSAN UAC BERHAD

YANG BERUSAHA ENCIK MICHEAL CONNOLLY  
KETUA PEGAWAI OPERASI ASIA, LEND LEASE

YANG BERUSAHA ENCIK KANG BENG HAI  
PRESIDEN MERANGKAP KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN  
BWYS

YANG BERUSAHA AR. MOHAMED HAFIZ HASHIM  
PENGERUSI EKSEKUTIF URBANISMA CONSULTANCY

YANG BERUSAHA ENCIK ANTHONY SUNG  
PENGARAH BERSEKUTU, CEMENT AID

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA,  
AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN  
TERTINGGI CIDB, CIDB HOLDINGS DAN AKADEMI BINAAN  
MALAYSIA (ABM)

KETUA-KETUA PEGAWAI OPERASI ABM,

YANG BERBAHAGIA DATO-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-  
TUAN, PUAN-PUAN, PARA GRADUAN, IBU-BAPA, ALUMNI

ABM , RAKAN MEDIA DAN SIDANG HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

**ASSALAMUALAIKUM**                           **WARRAHMATULLAHI**  
**WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM**  
**1MALAYSIA**

1. TERLEBIH DAHULU, IZINKAN SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA ATAS LIMPAH DAN RAHMATNYA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DI MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA PADA HARI INI. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN DI SINI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH DI ATAS KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN KERANA TELAH BERJAYA MENAMATKAN LATIHAN DAN SETERUSNYA MEMPEROLEHI SIJIL KECEKAPAN MASING-MASING PADA MAJLIS HARI INI.
  
2. SESUNGGUHNYA LANGKAH PERTAMAINI MERUPAKAN SATU TITIK PERUBAHAN KE ARAH MASA DEPAN DAN KERJAYA YANG LEBIH CEMERLANG, SEANDAINYA PELUANGINI DIMANFAATKANDENGAN SEBAIK-BAIKNYA OLEH SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN.

## **MAKLUMAT MAJLIS GRADUASI**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

3. HARI INI KITA AKAN MERAIKAN SERAMAI **300 ORANG PELATIH ABM** DARIPADA PELBAGAI BIDANG YANG BAKAL MENERIMA SIJIL KECEKAPAN KEMAHIRAN MASING-MASING.
4. SAYA DIMAKLUMKAN BAHAWA MEREKAINI MERUPAKAN PELATIH-PELATIH DARIPADA TIGA BUAH CAWANGAN ABM IAITU WILAYAH TENGAH, UTARA DAN TIMUR. SAYA BERASA GEMBIRA DAN KAGUM DI ATAS USAHA DAN PENCAPAIAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN DALAM MENIMBA ILMU KEMAHIRAN UNTUK TERUS MAJU DEMI KEJAYAAN KERJAYA YANG LEBIH CEMERLANG.

### **SENARIO PERTUMBUHAN INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA**

5. MALAYSIA SEDANG MENUJU KE ARAH MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI, SEPERTI YANG DIGARISKAN DI DALAM PELAN TRANSFORMASI EKONOMI ATAU ETP. INDUSTRI PEMBINAAN DI DALAM NEGARAINI JUGA SEDANG PESAT MEMBANGUN DENGAN BEBERAPA PROJEK

INFRASTRUKTUR YANG SEDANG GIAT DILAKSANAKAN TERMASUK PEMBINAAN PROJEK MRT, PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU PENAPISAN MINYAK DAN PETROKIMIA (RAPID) DI PENGERANG, SERTA PROJEK PEMBINAAN SAMALAJU INDUSTRIAL PARK. KESEMUA PROJEK-PROJEKINI MEMERLUKAN PULUHAN RIBU TENAGAMAHIR DI DALAM BIDANG-BIDANG PEMBINAAN YANG BERIMPAK TINGGI.

6. SELARAS DENGAN ITU JUGA UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PERLAKSANAAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI (PEMANDU) MENGANGGARKAN SEJUMLAH 60 PERATUS TENAGA KERJA YANG DIPERLUKAN DI DALAM NEGARA ADALAH DI DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN VOKASIONAL, MENJELANG TAHUN 2020.

7. OLEH ITU, SAYA AMAT BERBANGGA APABILA MELIHAT KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN, YANG TELAH PUN TAMAT MENJALANI LATIHAN DAN BERSIAP-SEDIA BERKHIDMAT UNTUK PEMBANGUNAN FIZIKAL NEGARA KITA. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN. ANDAI KATA, PARA BELIA KITA TIDAK DIGALAKKAN MENCEBURI BIDANG TEKNIKAL DAN VOKASIONAL SEPERTI YANG DITAWARKAN DI ABM,

MAKA PELUANG-PELUANG PEKERJAAN YANG LUMAYAN INI AKAN TERLEPAS KEPADA TENAGA KERJA ASING.

### **KEMAHIRAN UNTUK KERJAYA**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

8. DARI TAHUN KE TAHUN, ABM TELAH MEMBUKTIKAN KECEMERLANGAN DALAM MELATIH DAN MELAHIRKAN PEKERJA MAHIR TEMPATAN UNTUK BERKHIDMAT DALAM INDUSTRI BINAAN NEGARA. SEJAK DARI PENUBUHANNYA PADA 1997 SEHINGGA KINI, JUMLAH PELATIH YANG TELAH DILAHIRKAN OLEH ABM TELAH MENCAPI LEbih DARIPADA 200,000 ORANG. TAHUN LALU SAHAJA ABM BERJAYA MELATIH SERAMAI 27,424 ORANG, DENGAN 75 PERATUS DARIPADANYA BERJAYA DISERAPKAN KE DALAM INDUSTRI. SASARAN ABM UNTUK TAHUN INI ADALAH UNTUK MELATIH SERAMAI 28,000 ORANG DENGAN HARAPAN SEKURANG-KURANGNYA 80 PERATUS DARIPADANYA DAPAT DISERAPKAN KE DALAM INDUSTRI.

9. INSTITUSI INI TERUS KOMITED DAN HASILNYA DAPAT DIBUKTIKAN DARIPADA ALUMNI ABM YANG PADA HARI INI MEMPUNYAI KERJAYA YANG BAIK DENGAN JUMLAH PENDAPATAN YANG SETIMPAL.

10. MENGAMBIL CONTOH ALUMNI **ABM TENGAH** IAITU SAUDARA **ABDUL HAFIDZ KHAIRUL ANUAR**, TELAH BERJAYA MENJADI USAHAWAN DENGAN MENUBUHKAN SYARIKATNYA SENDIRI YANG BERKAITAN DENGAN PERKHIDMATAN PEMASANGAN DAN PENYENGGARAAN ALAT PENGHAWA DINGIN. BUKAN ITU SAHAJA, MALAH BELIAU TURUT BEKERJASAMA DENGAN ABM DENGAN MENAWARKAN PELATIH-PELATIH ABM MENGIKUTI LATIHAN PRAKTIKAL DI SYARIKATNYA SEBAGAI PENGHARGAAN KEPADA INSTITUSI DI MANA BELIAU MEMPEROLEHI ILMU KEMAHIRAN.

11. ADA JUGA ALUMNI **ABM UTARA** YANG BERJAYA MENJADI KONTRAKTOR SEPERTI SAUDARA **AMIR MUHAMMAD MUNIR OMAR** YANG MEMFOKUSKAN KEPADA BIDANG TEKNOLOGI HIJAU. MANAKALA SEORANG LAGI ALUMNI ABM TENGAH IAITU SAUDARA **ADI IRMAN ABDUL GHANI**, MERUPAKAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA YANG ASASNYA BERMULA DI ABM.

12. TIDAK KURANG JUGA YANG MAMPU MEMPUNYAI PENDAPATAN LUMAYAN SEKITAR RM4,500 HINGGA RM6,000 SEBULAN SETELAH BERJAYA MENEMPATKAN DIRI UNTUK BEKERJA DALAM INDUSTRI BERKAITAN MINYAK DAN GAS SEBAGAI RIGGER SCAFFOLDER,

WELDER, DAN GAS PIPE FITTER SEPERTI SAUDARA **MOHD ZULKIFLI AB RAHMAN**, SAUDARA **MOHD SYAKIR**, DAN SAUDARA **MUHAMMAD MAWARDI** YANG KESEMUANYA ADALAH ALUMNI **ABM TIMUR**.

13.INI SEMUA JELAS MEMBUKTIKAN BETAPA BIDANG KEMAHIRAN JUGA AMAT PENTING, SELAIN DARIPADA KECEMERLANGAN AKADEMIK. NAMUN IA JUGA PERLU DISERTAI DENGAN KECEKALAN, KESABARAN DAN USAHA YANG GIGIH.

14. KEJAYAAN ALUMNI ABMINI JUGA DENGAN SENDIRINYA MEMBUKTIKAN BAHAWA PELATIH-PELATIH KELUARAN ABM MAMPU MEMPUNYAI KERJAYA DENGAN PENDAPATAN YANG LUMAYAN HASIL DARIPADA ILMU YANG DIPELAJARI DI ABM, WALAUPUN TEMPOH LATIHAN AGAK SINGKAT ANTARA 2 KE 6 BULAN.

15. OLEH ITU, DI KESEMPATANINI, SAYA INGIN MENYERU DAN MENASIHATKAN KEPADA SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN AGAR MENGGUNAKAN KEMAHIRANINI DENGAN SEBAIK-BAIKNYA UNTUK MENCEBURIPELUANG KERJAYA YANG BERSESUAIAN.

## **KOMITMEN LATIHAN CIDB MELALUI ABM**

**HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

16. UNTUK MAKLUMAN JUGA, Kaedah Pembelajaran di ABM Bakal dipertingkatkan dengan penekanan kepada 5 elemen utama iaitu; Kemahiran, Pengetahuan, Sikap, Kerohaniaan dan Keusahawanan. Tujuannya adalah bagi memastikan pelatih yang akan keluar nanti mempunyai nilai-nilai positif diri, bersedia menempuh alam pekerjaan, kompetitif dan lebih berkeyakinan.

17. Pada masa sama juga penggunaan teknologi sedang giat di bangunkan di ABM seluruh negara. salah satu pendekatan tersebut adalah dengan memperkenalkan penggunaan **SIMULATOR** contohnya dalam pengajaran seperti TRED kimpalan dan pemanduan jentera berat. Kedah bantuan mengajar yang lain seperti **E-LEARNING** dan **VIDEO TRED** juga sedang giat dibangunkan. saya yakin dan percaya pendekatan ini akan memberikan nilai tambah terhadap latihan kemahiran yang diberi dan akan dapat menarik

MINAT LEBIH RAMAI PELATIH UNTUK MENYERTAI LATIHAN DI ABM YANG SETERUSNYA AKAN MENYERTAI INDUSTRI PEMBINAAN SEBAGAI BIDANG KERJAYA UTAMA MEREKA DI MASA AKAN DATANG.

18. SELAIN ITU, MODUL-MODUL KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA AKAN DIPERKEMAS DAN DITITIK BERATKAN. MELALUI KERJASAMA BERSAMA INTERNATIONAL HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CENTRE (IHRDC), CIDB MALAYSIA BAKAL MEMPERKENALKAN MODUL-MODUL BERKAITAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA SEBAGAI SALAH SATU PENDEKATAN PENGAJARAN UNTUK DIGUNAKAN OLEH ABM. INI DIHARAP MAMPU MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELATIH MENGENAI PENTINGNYA TANGGUNGJAWAB DALAM MEMASTIKAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA SUPAYA SENTIASA BERADA PADA TAHAP TERBAIK, SELAIN MENJADI PERINTIS KUMPULAN PEKERJA UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KAWASAN PEMBINAAN YANG LEBIH KONDUSIF.

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN**

19. PADA HARIINI SELAIN DARIPADA MERAIKAN PELATIH-PELATIH YANG BERJAYA MENAMATKAN

KURSUS, SAYA JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA BEBERAPA PERJANJIAN PERSEFAHAMAN BAKAL DIMETERAI MELIBATKAN CIDB HOLDINGS DAN ABM WILAYAH TENGAH BERSAMA BEBERAPA RAKAN INDUSTRI.

20. MOU INI MERUPAKAN MANIFESTASI KEPADA RUANG KERJASAMA DAN PERKONGSIAN KEPAKARAN DI ANTARA PEMAIN INDUSTRI PEMBINAAN UTAMA DENGAN PIHAK AGENSI KERAJAAN UNTUK SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN DAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN MODAL INSAN TEMPATAN, SEIRING DENGAN HASRAT MENJADI NEGARA MEMBANGUN BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020.

21. SAYA AMAT MENGALU-ALUKAN DAN AKAN SENTIASA MENYOKONG KERJASAMA SEPERTIINI SERTA BERHARAP IA DAPAT DIPERLUASKAN LAGI SUPAYA KEPAKARAN TEMPATAN DAPAT DIPERTINGKATKAN, DAN AKHIRNYA DAPAT MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA TENAGA KERJA ASING DALAM PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA.

21. AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS DI ATAS KEJAYAAN SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN YANG BERJAYA

MENAMATKAN LATIHAN DI ABM. SEMOGA SAUDARA-SAUDARI SEKALIAN MENJADI CONTOH DAN TELADAN KEPADA ANAK WATAN DI LUAR SANA UNTUK MENCARI KEJAYAAN SEBAGAI KUMPULAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN DAN BERKETERAMPILAN POSITIF DALAM INDUSTRI PEMBINAAN NEGARA.

DENGAN **LAFAZ BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM** SAYA MERASMIKAN MAJLIS GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA WILAYAH TENGAH, UTARA DAN TIMUR BAGI TAHUN 2014.

**SEKIAN, WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH,**  
**WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI**  
**WABARAKATUH.**